

30 JUL 1997

LID-Pesawat

MAS DAN GE TUBUHKAN PUSAT MEMBAIKPULIH TERBESAR DI ASIA

LANGKAWI, 30 Julai (Bernama) -- Penerbangan Malaysia (MAS) dan syarikat pengeluar enjin pesawat Amerika Syarikat, General Electric (GE), hari ini menandatangani perjanjian menubuhkan pusat membaikpulih enjin pesawat terbesar Asia di Subang, dekat Kuala Lumpur.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyaksikan majlis menandatangani perjanjian itu di Berjaya Beach and Spa Resort -- tempat berlangsungnya Dialog Antarabangsa Langkawi 1997 (LID '97) yang berakhir hari ini.

Pusat bernilai RM327.5 juta (AS\$125 juta) itu, yang juga merupakan pusat seumpamanya di Asia Tenggara, akan mula beroperasi pada 1 Sept ini, kata pengarah urusan MAS, Datuk Wan Malek Ibrahim.

GE memiliki 70 peratus saham dan bakinya dipegang oleh MAS dalam usahasama itu yang dikenali sebagai Aircraft Engine Repair and Overhaul (1997) Sdn Bhd (AERO '97).

MAS diwakili oleh Wan Malek dan naib presiden bagi Pembangunan Penerbangan dan Angkasa Lepas, Sitham P Nadarajah.

Presiden GE Antarabangsa bagi Asia Tenggara, Ken Brown, dan pengarah Perkhidmatan Enjin bagi Pembangunan Perniagaan Asia, Paul Snyder, menandatangani perjanjian bagi pihak syarikat itu.

Ketika bercakap kepada pemberita sebelum majlis menandatangani perjanjian itu, Wan Malek berkata pusat itu, yang dikenali sebagai Aero Centre for Excellence, akan memberi servis enjin rangkaian pesawat MAS dan pelanggan-pelanggan GE Asia Pasifik, yang pada masa ini diservis di Amerika dan Eropah.

Sumbangan GE ialah dalam bidang teknologi, proses membaikpulih dan membaiki, kepakaran pengurusan dan pemasaran antarabangsa, katanya.

Wan Malek berkata perkongsian MAS dengan GE, syarikat yang menawarkan perkhidmatan servis yang terbesar di dunia bagi membaikpulih enjin pesawat, akan meningkatkan keupayaan teknologi syarikat penerbangan negara dalam membangunkan teknologi tulen dan ke arah menjadikan Malaysia pusat penerbangan.

"Perkongsian ini yang menjadi bukti pelaksanaan perkongsian pintar adalah penting bagi kedua-dua pertubuhan," katanya.

Brown berkata rantau Asia Pasifik mewakili 35 peratus daripada semua perniagaan trafik udara dan beliau menjangka angka itu meningkat kepada 50 peratus menjelang 2005.

Tahun lepas, rantau Asia Pasifik menyumbang kira-kira AS\$8 bilion (kira-kira RM21 bilion) kepada perniagaan membaikpulih enjin pesawat GE, katanya. -- BERNAMA

RV RN NAK